



cfa.vic.gov.au/languages

**Tempoh Bahaya Kebakaran
(Fire Danger Period) atau
Larangan Penuh Melakukan
Pembakaran (Total Fire Ban)**

**Apa
perbezaannya?**



Tempoh bahaya kebakaran, Tahap Bahaya Kebakaran, Amaran dan Larangan Penuh Melakukan Pembakaran - apakah maksudnya?



Tempoh Bahaya Kebakaran (Fire Danger Periods)

Tempoh Bahaya Kebakaran (Fire Danger Periods) ialah masa apabila CFA mengehadakan penggunaan api pada musim yang lebih panas dalam tahun itu. Peraturan ini membantu mengelakkan kebakaran. Tempoh Bahaya Kebakaran (Fire Danger Periods) boleh diisytiharkan selama beberapa bulan, tarikh mula dan tarikh tamat adalah berbeza untuk setiap kawasan kerajaan tempatan (shire atau council). Tarikhnya bergantung kepada jumlah hujan, kekeringan tumbuh-tumbuhan dan keadaan tempatan yang lain.



Tempoh Larangan Penuh Melakukan Pembakaran (Total Fire Ban Days)

Tempoh Larangan Penuh Melakukan Pembakaran (Total Fire Ban Days) akan diisytiharkan untuk satu atau lebih daripada satu hari apabila risiko kebakaran sangat tinggi. Semasa tempoh Larangan Penuh Melakukan Pembakaran berkuatkuasa semua kegiatan pembakaran* diharamkan.



Tahap Bahaya Kebakaran (Fire Danger Ratings)

Tahap Bahaya Kebakaran (Fire Danger Ratings) memberitahu anda mengenai tahap bahaya sesuatu kebakaran, jika berlaku. Anda menggunakannya untuk menentukan jenis tindakan yang perlu diambil untuk melindungi diri anda dan orang lain daripada kebakaran belukar dan kebakaran rumput.



Amaran

Amaran ini memberitahu anda, jika suatu pembakaran telah bermula, sila beri perhatian kepada amaran tersebut terutamanya pada hari yang panas dan kering dengan angin kencang.

Lawati cfa.vic.gov.au/aboutfiredangerperiod**

* Dalam keadaan terdesak di mana penggunaan api diperlukan atau penting, permit khas untuk Larangan Penuh Melakukan Pembakaran akan disediakan. Semak laman sesawang CFA untuk mendapatkan butiran tentang cara permohonan. Tanpa permit sah untuk Larangan Penuh Melakukan Kebakaran, anda boleh didenda kerana menggunakan api jika Larangan Penuh Melakukan Pembakaran masih berkuatkuasa.

** Tersedia dalam Bahasa Inggeris sahaja.



Imbas kod QR untuk mengetahui lebih lanjut.
Bersama-sama kita boleh kekal selamat daripada kebakaran.